

Majlis Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (Sedekad ILSM)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2017 bersetuju supaya Hari Statistik Negara disambut pada 20 Oktober setiap tahun. Rentetan itu, sambutan HSN di peringkat Malaysia telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan jayanya pada setiap tahun serta diwarnai pelbagai aktiviti dan program walaupun berdepan dengan cabaran semasa.

Sambutan HSN pada tahun 2022 cukup istimewa apabila ia disambut bersekali dengan sambutan Sedekad ILSM. Ia telah diadakan sepanjang tiga hari bermula pada 20 hingga 22 Oktober 2022 bertempat di ILSM, Sungkai, Perak. ILSM merupakan institusi utama DOSM yang bertindak sebagai pusat pembangunan modal insan dan mula beroperasi pada 3 Januari 2012.

Penghayatan tema HSN pada tahun ini adalah *"Connecting The World With Data We Can Trust"* dan sambutannya adalah yang terbesar pernah dianjurkan oleh DOSM melibatkan penganjuran Program Debat Statistik IPT, Karnival Statistik 2022 dan Majlis Forum Perdana Ehalw Islam sebagai kemuncak program utama sambutan.



“Statistik adalah nadi kehidupan. Dengan menggunakan statistik, pelbagai keputusan yang tepat berasaskan bukti dan fakta boleh dibuat.”

Petikan semasa ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) semasa Majlis Perasmian Karnival Statistik bersempena Sambutan HSN 2022 & Sedekad ILSM pada 20 Oktober 2022.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

“Perubahan persekitaran, ketidakpastian situasi global, pandemik COVID-19, evolusi ekonomi dan model perniagaan yang pantas serta pengurusan sosial dan alam sekitar yang semakin kompleks memerlukan kesiapsiagaan dalam penyediaan statistik-statistik terkini.”

Petikan semasa ucapan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia semasa Majlis Perasmian Karnival Statistik bersempena Sambutan HSN 2022 & Sedekad ILSM

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Karnival Statistik 2022 menyaksikan penglibatan pihak swasta dan agensi kerajaan dalam penganjuran sesi ceramah, demonstrasi, program derma darah, karnival kerjaya, senamrobik FitDance, pameran dan jualan. Penganjuran program Stats FitDOSM Perdana dan *Geographic Information System (GIS) Theme Quick Capture* anjuran DOSM turut sama memeriahkan pengisian karnival ini.

Di samping itu, pengisian program Karnival Statistik 2022 turut melibatkan kerjasama pihak tempatan dan komuniti setempat seperti penganjuran Jualan Bantu Rakyat Kedai Bergerak, pertandingan memasak, pertandingan mewarna dan kenduri kesyukuran sempena Sedekad ILSM.

Kejayaan sambutan HSN pada tahun ini adalah hasil usaha dan kerjasama warga DOSM yang sentiasa berdedikasi dalam mewujudkan jalinan dan mengukuhkan literasi statistik serta memupuk budaya penggunaan statistik dalam komuniti.

Majlis Perasmian Karnival Statistik bersempena Hari Statistik Negara 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)



Majlis Perasmian Karnival Statistik bersempena Hari Statistik Negara 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada 20 Oktober 2022. Majlis turut diserikan dengan gimik pelancaran dan penyampaian hadiah bagi pemenang Pertandingan Debat Statistik antara Institut Pengajian Tinggi 2022 dan Pertandingan *Dashboard GIS*. Di samping itu, seramai 300 orang jemputan daripada wakil agensi Kerajaan dan swasta, wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pengarah-pengarah Negeri dan Penghulu-penghulu Kampung setempat telah hadir serta turut sama memeriahkan majlis ini.



Pertandingan Debat Statistik antara Institut Pengajian Tinggi 2022



Pertandingan Debat Statistik antara Institut Pengajian Tinggi 2022 yang dianjurkan pertama kalinya oleh DOSM, telah diadakan bermula 18 & 19 Oktober 2022, di ILSM, Sungkai Perak. 12 IPT telah menghantar pasukan debat masing-masing bagi merebut Piala Pusingan Ketua Perangkawan Malaysia.

GIS Theme Dashboard Creation (using ArcGIS Platform)

PENGUMUMAN PEMENANG PERTANDINGAN MEMBINA DASHBOARD GIS BERSEMPENA HARI STATISTIK NEGARA 2022!



DATA ASAS DAN PENGOPERASIAN SURVEI TENAGA BURUH

Pemenang bagi Pentandingan Mencipta Dashboard GIS bersempena Hari Statistik Negara 2022. Dashboard dibangunkan oleh (Wakil DOSM Terengganu): Moh..

Klik Di Sini



PROFIL NEGERIKU

Pemenang bagi Pentandingan Mencipta Dashboard GIS bersempena Hari Statistik Negara 2022. Dashboard dibangunkan oleh Shahrul Nizam dari Bahagian...

Klik Di Sini



DASHBOARD TABURAN PENDUDUK ORANG ASLI DI PAHANG

Pemenang bagi Pentandingan Mencipta Dashboard GIS bersempena Hari Statistik Negara 2022. Dashboard dibangunkan oleh (Wakil DOSM Pahang): SYED...

Klik Di Sini




Liputan Media Majlis Perasmian Karnival Statistik 2022 bersempena Sambutan Hari Statistik Negara 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)



Data DOSM catat penurunan
jumlah pekerja warga asing



[IMBAS DI SINI](#)



Karnival berjaya tingkat
kefahaman kepentingan statistik



[IMBAS DI SINI](#)

[IMBAS DI SINI](#)



UIAM juara
Pertandingan
Statistik 2022



Statistics Carnival
achieves target of
public awareness



DOSM anjuran
Karnival Statistik
2022 sempena
Hari Statistik Negara

[IMBAS DI SINI](#)



DOSM celebrates
National Statistics
Day with carnival

Karnival statistik 2022: Statistik nadi kehidupan, dekat dengan masyarakat

[IMBAS DI SINI](#)



DOSM celebrates National Statistics Day with carnival



DOSM celebrates National Statistics Day with Carnival



[IMBAS DI SINI](#)

[IMBAS DI SINI](#)



PORTAL MAKLUMAT RAKYAT (PMR)

DOSM anjur Karnival Statistik 2022 sempena
Hari Statistik Negara



@StatsMalaysia
www.dosm.gov.my



FitDance oleh JaPen (7.00 pagi - 7.45 pagi)



Program Derma Darah oleh Hospital slim River (8.00 pagi - 2.00 petang)



Objektif :

- Memberikan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan menderma darah.
- Menangani masalah kekurangan darah dalam tabung darah di hospital kerajaan.
- Merapatkan hubungan antara warga Jabatan dengan masyarakat di samping meningkatkan kesedaran taraf kesihatan negara serta memberi pengetahuan yang lebih jelas kepada masyarakat.
- Memupuk sifat penyayang dan sedia menolong di kalangan masyarakat secara amnya dan mempertingkatkan interaksi dan memupuk persahabatan tanpa mengira bangsa dan agama ke arah mewujudkan integrasi masyarakat.

Saringan Kesihatan oleh Klinik Kesihatan Sungkai (8.00 pagi - 6.00 petang)

Objektif :

- Mengesan faktor risiko penyakit tidak berjangkit.
- Mengesan penyakit tidak berjangkit pada peringkat awal.
- Mengenalpasti status kesihatan pekerja.
- Melaksanakan aktiviti intervensi bagi mereka yang berisiko.
- Menggalakkan pekerja melakukan pemeriksaan kesihatan.



Info Busking oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) (12.00 Tengah hari - 1.00 petang)



Penyampaian informasi kepada khalayak ramai tentang karnival statistik dan isu semasa diselangi dengan persembahan muzik dan nyanyian.

Free Nescafe oleh Nestle (10.00 pagi - 4.00 petang)



Anggaran sebanyak 1,000-1,500 cawan Nescafe secara percuma diagihkan kepada para pengunjung yang hadir.

Sesi Talk: Perkongsian Ibadah Haji & Umrah (2.00 petang - 3.00 petang)



Intipati sesi ceramah ini mengupas berkenaan konsep dan perbezaan Haji dan Umrah.

Sesi Talk: i. KWSP & Anda; ii. Skim Pengeluaran KWSP (3.00 petang - 4.00 petang)



Sesi ceramah ini berkongsi maklumat lanjut tentang caruman simpanan dan skim KWSP bagi memberi pendedahan perancangan kewangan demi masa hadapan yang lebih baik.

Sesi Talk: Produk Pelancongan (Felda HotSpring Sg. Klah) (4.00 petang - 4.30 petang)



Sesi ceramah ini memberikan informasi terkini tentang Felda HotSpring Sg. Kelah sebagai salah sebuah tarikan dan produk pelancongan utama di Sungkai, Perak.



Jualan & Pameran



Lebih daripada 30 agensi kerajaan dan pihak swasta terlibat dalam pameran yang diadakan sepanjang Statistik ini. Di samping itu, pelbagai gerai jualan oleh penjual tempatan turut memeriahkan suasana karnival yang dihadiri oleh orang ramai dan komuniti setempat.



Sorotan Hari Sambutan Karnival Statistik 2022



Sorotan Hari Sambutan Karnival Statistik 2022



2022

2022

20 OKT

2016-2030

PSSN

@StatsMalaysia
www.dosm.gov.my



Sorotan Hari Sambutan Karnival Statistik 2022



@StatsMalaysia
www.dosm.gov.my

